

PUTING BELIUNG PINTAR

Musim Puting Beliung:
November hingga April.

Terdapat empat tahap amaran - biru, kuning, merah dan semua selamat.

Dengar baik-baik dan lakukan apa yang disyorkan oleh amaran supaya sentiasa selamat.



KEDATANGAN PUTING BELIUNG DIRAMALKAN - BERSEDIA

Apabila tahap AMARAN BIRU dikeluarkan, anda perlu mula bersedia

- Sentiasa dengar berita terkini tentang keadaan puting beliung melalui radio, talivisyen atau internet.
- Ikat atau buang bahan-bahan yang tidak disimpan atau sampah dari sekitar rumah atau tempat kerja anda.
- Anjurkan kelengkapan kecemasan anda termasuk peti pertolongan cemas, ubat-ubatan penting, peti suluh, radio bimbit, bateri-bateri tambahan, makanan dan air.
- Timbangkan untuk memindahkan orang yang memerlukan keperluan khas seperti mereka yang mengandung, tua atau cacat.
- Kenal pasti kawasan yang selamat untuk haiwan peliharaan anda (kebanyakan pusat-pusat kebajikan tidak menerima haiwan peliharaan, tetapi akan menerima anjing panduan).
- Ingatkan keluarga anda tentang prosedur-prosedur puting beliung.
- Ketahui bahagian rumah anda yang paling kukuh.



PUTING BELIUNG DATANG – BERTINDAK SEKARANG

Apabila tahap AMARAN KUNING dikeluarkan, anda perlu mengambil tindakan

- Pantau radio, talivisyen atau internet untuk maklumat tentang pergerakan puting beliung, terutama sekali tentang sebarang nasihat peningkatan ribut secara mendadak.
- Simpan atau ikat barang-barang yang longgar seperti perabot luar rumah yang mungkin dilemparkan oleh angin-angin kencang yang memusnahkan.
- Ikat semua skrin puting beliung. Tutup dengan kayu atau lekatkan kuat-kuat tingkat-tingkap yang terdedah dengan pita.
- Masukkan minyak ke dalam kenderaan anda dan letakkannya dalam kawasan yang terlindung dengan brek tangan dipasang atau dengan gear di dalam tahap berhenti atau pertama.
- Pastikan bahawa peti pertolongan cemas anda adalah lengkap.
- Bersedia untuk bergerak dengan cepat ke kawasan rumah anda yang paling kukuh atau berpindah ke pusat kebajikan yang terdekat jika perlu.



PUTING BELIUNG AKAN MELANDA – BERLINDUNG SEKARANG

Apabila tahap AMARAN MERAH dikeluarkan, anda perlu berlindung dengan serta-merta

- Tutup dan cabut palam semua barangan elektrik dan tutup semua injap penghantaran gas.
- Pergi dengan segera ke bahagian rumah atau bangunan di mana anda berada (i.e. halaman dalaman rumah, bilik mandi atau tandas) yang paling kukuh dan selamat atau ke pusat kebajikan yang terdekat.
- Jauhkan diri dari pintu-pintu dan tingkap-tingkap, dan pastikan mereka sentiasa ditutup dan dikunci.
- Duduk di dalam sehingga tanda SEMUA SELAMAT diberi oleh pihak berkuasa.



PIHAK BERKUASA MEMBERIKAN ISYARAT SEMUA SELAMAT - BERWASPADA

Selepas notis SEMUA SELAMAT yang rasmi diberikan, berwaspada untuk mengelakkan bahaya yang disebabkan oleh kerosakan

- Jika harta anda mengalami kerosakan yang serius dan anda memerlukan pertolongan, panggil SES pada 132 500 untuk bantuan.
- Untuk kecemasan yang menggugat nyawa, panggil 000.
- Jika anda berpindah dari rumah anda, tunggu nasihat diberikan sebelum anda pulang. Jika anda pulang, gunakan jalan-jalan yang disyorkan oleh pihak berkuasa dan jangan terburu-buru.



AFFIX MAGNET
HERE

PINTAR PUTING BELIUNG

PETI PERTOLONGAN CEMAS adalah mustahak untuk ikhtiar hidup jangka pendek samada anda bercadang untuk duduk di rumah atau dikehendaki berpindah ke tempat penginapan yang lebih selamat

BARANGAN-BARANGAN AM

- Radio Bimbit AM/FM yang dikuasai bateri
- Lampu suluh kalis air
- Bateri-bateri tambahan, baru
- Peti pertolongan cemas dengan buku panduan
- Barangan kebersihan, tandas dan ubat-ubatan
- Keperluan khas untuk anak-anak kecil, orang tua, cedera, cacat atau haiwan peliharaan
- Talipon bimbit dan alat mengecas, atau kad talipon
- Duit, kad kunci dan kad kredit
- Nombor-nombor hubungan kecemasan
- Kereta tambahan dan kunci-kunci rumah
- Pisau saku serbaguna

MAKANAN DAN AIR

- Air minuman* (sekurang-kurangnya 3 liter seorang sehari untuk 4 hari)
- Makanan dalam tin* (makanan kering adalah alternatif yang baik) untuk selama 4 hari
- Pembuka tin, alat memasak, perkakas-perkakas santapan
- Dapur gas bimbit atau pemanggang
- Bekas air (untuk menyimpan air memasak dan mencuci)

**Periksa dan ganti makanan dan air setiap 12 bulan*

NOMBOR-NOMBOR KECEMASAN

Polis, Bomba, Ambulan (untuk kecemasan yang menggugat nyawa)	000
Bantuan Perkhidmatan Kecemasan Negeri (SES)	132 500
Klinik Doktor/GP tempatan	
Hospital	
Nombor ahli keluarga di luar daerah	
Nombor tempat kerja	
Majlis daerah/tempatan	
Jiran	
Jiran	
Sekolah	
Syarikat Insuran	

DI MANA Mencari Maklumat Puting Beliung

Radio ABC dan media tempatan yang lain	
Talian Maklumat Awam DFES	13DFES (13 3337)
Laman Web DFES	www.dfes.wa.gov.au
Talian Nasihat Amaran Puting Beliung BoM	1300 659 210
Ramalan-ramalan puting beliung dan cuaca	www.bom.gov.au
Keadaan-keadaan jalan raya (Jalan-Jalan Utama)	138 138